

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
 BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]
TARIKH : 23 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 9

DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk membendung penjualan atas talian rokok elektronik di kalangan remaja bawah umur.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Rokok elektronik atau Vape merupakan sejenis produk merokok yang baru di masa kini. Masalah penggunaan rokok elektronik atau Vape di Malaysia telah bermula seawal tahun 2013 dan telah memuncak penggunaannya di Malaysia pada tahun 2016. Masalah ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malahan ia juga merupakan satu epidemik global yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak.

Pihak KKM telah mengambil langkah untuk membendung penjualan atas talian rokok elektronik bukan sahaja di kalangan remaja bawah umur malahan membendung masalah penggunaannya di kalangan rakyat Malaysia amnya. Pelbagai agensi serta pihak berkaitan termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah digerakkan di bawah Jawatankuasa Kerja Pakar Bagi Memperkuuhkan Kawalan Rokok Elektronik yang dipengerusikan oleh

NO SOALAN : 9

Timbalan Menteri Kesihatan. Pihak SKMM boleh melakukan sekatan ke atas sesuatu laman web yang menjual cecair rokok elektronik yang mengandungi nikotin apabila terdapat permohonan oleh pegawai KKM yang diberi kuasa di bawah Akta Racun 1952. Selain itu juga, kerjasama telah dilakukan dengan pihak pentadbir media sosial bagi menyekat mana-mana laman media sosial yang mempromosikan jualan rokok elektronik.

Sekian, terima kasih.